



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 27 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	WOMEN'S MINISTRY TO DISCUSS WITH SARAWAK ON ESTABLISHMENT OF SUBFERTILITY LAB IN KUCHING, SAYS NANCY SHUKRI	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/26/womens-ministry-to-discuss-with-sarawak-on-establishment-of-subfertility-lab-in-kuching-says-nancy-shukri/104293	MALAYMAIL.COM
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2248072	BERNAMA.COM
	https://www.newsarawaktribune.com.my/national-subfertility-centre-planned-for-sarawak/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kpwkm-akan-bincang-dengan-kerajaan-sarawak-x8pz020	ASTROAWANI.COM
	https://thesun.my/local/kpwkm-to-discuss-with-s-wak-on-establishment-of-subfertility-lab-in-kuching-nancy-shukri-AO11794334	THESUNDAILY.MY
	https://dayakdaily.com/women-ministry-to-discuss-building-subfertility-laboratory-in-kuching-with-state-govt/	DAYAKDAILY.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=aqopFFZYW7s	YOUTUBE
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2248054	BERNAMA.COM
	https://tvstv.my/2023/11/26/pembinaan-makmal-subfertility-di-lppkn-akan-dibincang-bersama-kerajaan-sarawak/	TVSTV.MY
	https://suarasarawak.my/penuhuan-makmal-pusat-subfertility-di-sarawak-masih-dalam-proses-rundingan/	SUARASARAWAK.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	SAMBUTAN BULAN KELUARGA PERINGKAT NEGERI MERIAH, IMBAU MEMORI SILAM PENGUNJUNG	
	https://selangorkini.my/2023/11/sambutan-bulan-keluarga-peringkat-negeri-meriah-imbau-memori-silam-pengunjung/	SELANGORKINI.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1034147/november-bulan-keluarga-kebangsaan	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	25 PERATUS ADUAN TALIAN SELAMAT BABIT KEGANASAN RUMAH TANGGA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/636619/edisi/selangor-kl/25-peratus-aduan-talian-selamat-babit-keganasan-rumah-tangga	SINARHARIAN.COM.MY
	https://selangorkini.my/2023/11/exco-polis-kesan-mangsa-keganasan-rumah-tangga-enggan-buat-laporan/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	BAYI LELAKI BARU LAHIR DITEMUKAN MENANGIS DALAM BEG TEPI LONGKANG	
	https://www.sinarharian.com.my/article/636582/berita/semasa/bayi-lelaki-baru-lahir-ditemukan-menangis-dalam-beg-tepi-longkang	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-ditinggalkan-dalam-beg-di-tepi-longkang-447613	ASTROAWANI.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/11/26/bayi-lelaki-dijumpai-dalam-beg-tepi-longkang/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=-yc0MB04Tjw	YOUTUBE
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/bayi-lelaki-dalam-beg-ditinggalkan-di-belakang-rumah-kedai/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2248098	BERNAMA.COM
	https://selangorkini.my/2023/11/bayi-lelaki-ditemukan-dalam-beg-di-tepi-longkang-kedai/	SELANGORKINI.MY
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/bayi-ditinggalkan-tepi-longkang-polis-sedang-kesan-waris	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/26/baby-boy-found-abandoned-near-drain-behind-manjung-shoplot	THESTAR.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



**MALAYSIA
MADANI**

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

27/11/2023

BIL


PERKARA

SUMBER

5 KERAJAAN PUSAT TIDAK PERNAH PINGGIR KEBAJIKAN RAKYAT
TERENGGANU

<https://www.kosmo.com.my/2023/11/26/kerajaan-pusat-tidak-pernah-pinggir-kebaikan-rakyat-terengganu/>

KOSMO.COM.MY



Women's Ministry to discuss with Sarawak on establishment of subfertility lab in Kuching, says Nancy Shukri



The Ministry of Women, Family and Community Development will hold discussions with the Sarawak government about the establishment of a subfertility laboratory at the National Population and Family Development Board (LPPKN) in Kuching. — Picture by Miera Zulyana

Sunday, 26 Nov 2023 2:51 PM MYT

KUCHING, Nov 26 — The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWK) will hold discussions with the Sarawak government about the establishment of a subfertility laboratory at the National Population and Family Development Board (LPPKN) in Kuching.

Its Minister Datuk Seri Nancy Shukri, said there was a need to establish another subfertility laboratory in Sarawak, as the existing facility in the general hospital is insufficient to cater to the demand for subfertility treatment services in the state.

“I need to talk to the state government first to get approval, and maybe if the state government wants to make some contribution (allocate funds)... the ministry will bear other costs.

“The building (the new LPPKN building at Wisma Segu) is already there and is currently being renovated; it's just that we don't have a (subfertility) laboratory yet. I will discuss the matter, including adding a laboratory as one of the components in the building, which will involve a lot of cost,” she said.

She said this after officiating the state-level National Family Month 2023 celebration at the Darul Hana Mosque compound here today.

Nancy was reported to have said that a National Subfertility Centre, which will be the first in Malaysia, would be built in Shah Alam, Selangor, next year, as part of an effort to address the issue of the declining fertility rate in the country.

She said the centre, which would be built at a cost of RM171 million, was expected to be operational in 2029. — Bernama



November bulan keluarga kebangsaan

Sulati Aeri
sulati@metro.com.my



KONSEP Kasih Madani pupuk lima nilai teras dalam keluarga iaitu kasih sayang, akhlak, sihat dan selamat, ilmu dan harmoni.

Kuala Lumpur: Bagi menyokong dan mengiktiraf sistem sokongan keluarga yang membantu ke arah pembangunan negara sejahtera dan pembinaan daya tahan negara, November setiap tahun disyorkan sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK). Mula diperkenalkan sejak 2012 kini menjadi acara tahunan yang dianjurkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Bagi tahun 2023, dengan mengadapati konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada akhir 2022, konsep Kasih Madani yang merujuk kepada lima nilai teras dalam keluarga iaitu Kasih Sayang, Akhlak, Sihat dan Selamat, Ilmu dan Harmoni.

Konsep ini diketengahkan melalui Kempen Kasih Madani: Keluarga Harmoni, Negara Madani, yang memaparkan kepentingan agenda keluarga yang kukuh sebagai tulang belakang sebuah negara Madani yang progresif.

Melalui konsep ini juga, hasrat untuk meraikan perpaduan dan kepelbagaian yang menyierahkan kepentingan peranan institusi keluarga dalam membina generasi lebih baik ditafsirkan melalui penganjuran Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2023 (BKK 2023) iaitu kemuncak kepada kempen Kasih Madani.

BKK 2023 DEDIKASIKAN UNTUK MEMULIUK HUBUNGAN KEKELUARGAAN

LPPKN dalam satu kenyataan berkata, November Bulan Keluarga Kebangsaan adalah sambutan untuk memupuk hubungan kekeluargaan.

Menurut kenyataan itu, inilah masa untuk masyarakat menghargai orang yang disayangi dengan menyatakan rasa terima kasih atas sokongan yang tidak berbelah bagi dan untuk merenungi mengenai kepentingan keluarga dalam kehidupan.

"Sambutan BKK ini bukan saja untuk meraikan ahli keluarga terdekat, tetapi juga peluang untuk mengiktiraf masyarakat yang lebih luas, kumpulan sokongan keluarga yang merangkumi setiap individu, kaum, dan agama," katanya.

Sambutan BKK juga adalah manifestasi kerajaan bagi mengiktiraf sistem sokongan keluarga yang membantu ke arah pembangunan negara sejahtera dan pembinaan daya tahan negara.

Sambutan ini juga dianjurkan secara meluas di seluruh negara dalam memastikan keseragaman dan komitmen utuh antara semua agensi Kerajaan ke arah usaha mencapai serta menjamin kesejahteraan institusi keluarga dan pembangunan sosial negara.

"Pelaksanaan BKK mampu memberi nilai pulangan kepada negara dalam bentuk penguatkuasaan kesejahteraan keluarga yang diukur berdasarkan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK).

"Penghasilan IKK menjadi satu jajaran baharu kepada usaha kerajaan dalam memartabatkan institusi keluarga yang mana IKK dijadikan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Nasional dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

"Oleh itu, pelaksanaan BKK ini wajar diberi perhatian dan disambut oleh semua pihak khususnya agensi Kerajaan kerana usaha yang holistik serta berterusan diperlukan.

"Ia bagi membantu keluarga berhadapan cabaran sosial dan ekonomi masa kini dan pada masa hadapan demi kesejahteraan keluarga," katanya.

Bertemakan "Keluarga Harmoni, Negara Madani", sambutan yang dilancarkan pada 4 dan 5 November lalu oleh Perdana Menteri di Dataran Putrajaya, Putrajaya ini amat sinonim dan seiring dengan modenisasi dalam kehidupan masyarakat masa kini.

BKK 2023 ini juga adalah satu platform penting bagi menghargai kepentingan institusi keluarga yang menjadi ceminan kepada masyarakat yang stabil dan sejahtera.

Sepanjang dua hari itu, pelbagai aktiviti dan pameran menarik dianjurkan antaranya KASIH Family Fun Walk dengan penyertaan daripada 3,000 ahli keluarga, Himpunan Keluarga Madani dengan penyertaan lebih 2,000 orang dan kalangan Sahabat Remaja KafeTEEN, komuniti Rukun Tetangga (KRT) dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS).

Bukan itu saja, turut diadakan Mini Karnival Kasih Madani yang membawakan aktiviti santai masa bersama keluarga dengan penyertaan 240 keluarga dan Ekspo KASIH MADANI yang membanjirkan penyertaan lebih 45 agensi melalui empat segmen iaitu Kasih Keluarga, KASIH Remaja, Kesejahteraan Ekonomi dan Cuti-cuti Keluarga.



ANUGERAH KHAS KASIH MADANI

Sebagai usaha untuk terus memperkukuhkan institusi keluarga melalui Sambutan BKK 2023, Anugerah Khas Kasih Madani yang mempunyai dua kategori ialah Syarikat Korporat CSR dan Badan Bukan Kerajaan, diperkenalkan.

Bagi kategori pertama, anugerah ini diberikan kepada syarikat korporat yang memberikan sumbangan dalam bidang tanggungjawab sosial korporat (CSR), khususnya yang berfokus pada sumbangan kepada keluarga dan komuniti.


Kategori ini dimenangi Tenaga Nasional Berhad (TNB) atas sumbangan CSR dalam pelbagai projek kemasyarakatan.

Manakala bagi kategori kedua diberikan kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif menjalankan pelbagai aktiviti dan program yang memberi sumbangan yang signifikan kepada aspek kekeluargaan di dalam masyarakat di menangi oleh Pertubuhan IKRAM Malaysia.

Sepanjang November ini, BKK 2023 turut disambut di setiap negeri dengan pelbagai aktiviti berteraskan penguatkuasaan nilai dan keluarga.

KUCHING DESTINASI PENUTUP BKK 2023

Sebagai penutup kepada Sambutan BKK 2023, LPPKN Sarawak akan menganjurkan Sambutan BKK 2023 peringkat Negeri Sarawak pada 26 November ini di pekarangan Masjid Darul Hana, Kuching yang akan disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.



25 peratus aduan talian SELamat babit keganasan rumah tangga

oleh NORAFIZA JAAFAR [Follow](#) 26 November 2023 04:16pm Masa membaca: 1 minit



Anfaal (belakang, empat dari kiri) pada Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2023 peringkat negeri Selangor di Zoo Negara pada Ahad.

HULU KELANG - Sebanyak 25 peratus daripada 123 kes Talian SELamat adalah membabitkan aduan keganasan rumah tangga.

Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor, Anfaal Saari berkata, statistik tersebut bagi tempoh November 2021 sehingga Oktober lalu.

Menurutnya, angka itu agak membimbangkan dan kerajaan negeri telah menetapkan tarikh 25 November lalu hingga 10 Disember ini untuk menjalankan Hari Aktivisme Melawan Keganasan Berasaskan Gender.


"Kempen selama 16 hari tersebut mendapat kerjasama daripada agensi dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk meningkatkan kesedaran menerusi beberapa program yang akan dijalankan.

"Contohnya pada Jumaat lepas kita adakan persembahan teater dan forum membincangkan aspek bantuan kepada mangsa keganasan," katanya pada Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 2023 peringkat negeri Selangor di Zoo Negara pada Ahad.

Tambah Anfaal, kerajaan negeri turut bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi kempen tersebut untuk mengesan pemandiri atau mangsa keganasan yang enggan membuat laporan.

"Dalam keganasan berasaskan gender ini, kita tidak melihat hanya wanita sebagai mangsa tetapi juga terhadap kanak-kanak dan lelaki walaupun jumlahnya tidak banyak.

"Kerajaan negeri beranggapan apa juga keganasan perlu dihentikan dan isu tersebut bukan hanya dilihat dalam keluarga sahaja tetapi dalam komuniti secara keseluruhan," katanya.



Kerajaan Pusat tidak pernah pinggir kebajikan rakyat Terengganu

Oleh MOHD AZLI ADLAN 26 November 2023, 2:55 pm



Ahmad (dua dari kiri) berkempen bersama jentera BN di Kampung Mak Chili, Kemaman hari ini.

KEMAMAN – Kerajaan Perpaduan yang memegang tampuk Persekutuan tidak pernah meminggirkan kebajikan rakyat Terengganu seperti didakwa Pas.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan berkata, rakyat negeri ini termasuk Kemaman turut menerima banyak manfaat menerusi pelbagai program kebajikan dikelolakan kerajaan Pusat.

“Seramai 390,210 rakyat Terengganu berkecukupan menerima bayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) berjumlah keseluruhan RM241.8 juta (pada tahun ini).

“Pesawah negeri ini pula seramai 4,483 orang juga menerima bantuan berjumlah keseluruhan RM4.6 juta,” katanya ketika ditemui di Pusat Daerah Mengundi (PDM) Kampung Mak Chili di sini hari ini.

Ahmad berkata, kebajikan golongan memerlukan di Terengganu terus terbela menerusi bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjumlah keseluruhan RM128 juta.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO itu berkata, bantuan JKM itu dinikmati 23,623 orang golongan terbabit yang berkecukupan.

“Kita juga mengusahakan pelbagai pembangunan terutama sewaktu Barisan Nasional (BN) memerintah (kerajaan negeri Terengganu).

“Ia termasuk projek tebatan banjir di Kemaman yang sedang dalam proses disiapkan,” katanya.

Ahmad berkata, penyaluran bantuan dan pembangunan di Terengganu boleh semakin dilicinkan sekiranya calon BN, Jeneral (B) Raja Mohamed Affandi Raja Mohamad Noor terpilih sebagai Ahli Parlimen Kemaman pada Sabtu ini. – KOSMO! ONLINE



TAJUK : CERMIN GELAP BUKAN PUNCA UTAMA KES TERTINGGAL ANAK

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 NOV 2023

M/SURAT : 11

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Cermin gelap bukan punca utama kes tertinggal anak

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar
dan Dr Shahrin Nasir
bhrencana@bh.com.my

Kita dikejutkan insiden kanak-kanak meninggal dunia akibat kekurangan bekalan oksigen dan kepanasan melampau selepas tertinggal di dalam kenderaan ibu bapa. Ada kes kecuaiannya hanya disedari selepas lebih tujuh jam apabila ingin menjemput anak di pusat jagaan.

Antara sebab kealpaan ialah kebiasaan terus meninggalkan kenderaan sebaik sahaja tiba di tempat kerja kerana terlewat atau sibuk memikirkan beban kerja hingga terlupa memeriksa tempat duduk belakang.

Kelekaan menjawab panggilan atau membalas pesanan ringkas juga boleh mempengaruhi kecuaiannya, manakala kebiasaan meletak beg, termasuk beg komputer riba atau bekalan makanan di sebelah kerusi pemandu menyebabkan tiada keperluan memeriksa tempat lain.

Ini mencetuskan syor pengharaman cermin gelap seperti disarankan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

Cadangan ini ada rasionalnya kerana sekiranya cermin gelap tidak dipasang atau

tidak melebihi kadar peratusan kegelapan tertentu, ia memudahkan orang awam di kawasan letak kereta kenderaan perasan kewujudan kanak-kanak hingga usaha menyelamatkan dan mengeluarkan boleh dilakukan.

Bagi kanak-kanak melebihi usia tiga tahun, mereka mungkin mampu menarik perhatian orang lalu-lalang dengan mengetuk atau membuka cermin serta pintu sekiranya terjaga daripada tidur.

Ketika ini, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengeluarkan garis panduan pada 2019 membenarkan pemasangan cermin gelap pada kenderaan persendirian pada kadar peratus ketelusan cahaya (VLT), iaitu 70 peratus untuk cermin depan; cermin sisi bahagian pemandu dan penumpang hadapan (50 peratus) serta belakang (0 peratus).

Garis panduan itu disambut baik pengguna kerana cermin gelap dianggap memberi perlindungan kesihatan daripada cuaca panas serta silau dan privasi, selain perlindungan keselamatan dengan menyembunyikan pandangan orang luar terhadap barang milik peribadi.

Justeru, syor pengharaman sepenuhnya cermin gelap mungkin mendapat reaksi berbeza daripada lapisan masyarakat. Sebagai jalan tengah, pindaan kadar peratusan cermin sisi belakang dan belakang lebih praktikal.

Bagaimanapun, cermin gelap bukan punca utama kes sebegini, sebaliknya sikap dan kesedaran ibu

bapa perlu ditingkatkan. Mereka mesti sentiasa ingat mengingati agar tidak leka dan cuai ketika dalam perjalanan pergi dan apabila sampai ke pejabat.

Imbangi hal kerja, kehidupan

Pengurusan keseimbangan kerja-kehidupan perlu diamalkan agar ibu bapa tidak tenggelam dalam mengejar kehendak dan tekanan pekerjaan.

Dalam kejadian sebegini, kita pasti ibu bapa bukan sengaja meninggalkan anak mereka dan turut bersimpati dengan nasib dialami. Trauma, penyelesaian dan beban menyalahkan diri sendiri terpaksa dibawa sepanjang kehidupan.

Bagaimanapun ada juga situasi yang kerap dilakukan ibu bapa yang sengaja mengundang bahaya, iaitu sengaja meninggalkan anak di dalam kereta, sama ada dalam keadaan enjin masih hidup mahupun dimatikan di tempat tertentu seperti di pasar malam, di kedai dan pasar raya kononnya hanya untuk tempoh sekejap kerana berurusan atau membeli barangan.

Tindakan sebegini mendedahkan anak dengan lebih banyak ancaman keselamatan seperti kercunan karbon monoksida, penculikan, rompakan dan anak keluar berkeliaran daripada kereta, bahkan risiko anak bermain dengan sistem pemanduan kereta yang boleh menyebabkan kereta bergerak.



Pensyarah Kanan Program Pengangkutan, Jabatan Teknologi dan Pengajian Rantaian Bekalan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)



TAJUK : HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA

HARI : ISNIN

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 27 NOV 2023

M/SURAT : 07

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Hentikan keganasan terhadap wanita

KPWKM laksana pelbagai kempen tingkat kesedaran, lindungi hak golongan hawa

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sejak tahun 2000, 25 November dipilih sebagai Hari Antarabangsa Bagi Menangani Keganasan Terhadap Wanita melalui resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Kempen itu bertujuan menjemput kerajaan, pertubuhan antarabangsa serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk bersama menganjurkan aktiviti bagi meningkatkan kempen kesedaran, advokasi dan menggalakkan perkongsian maklumat serta inovasi dalam mencegah dan membasmi keganasan terhadap wanita di seluruh dunia.

Tema warna oren atau jingga juga dipilih sebagai lambang solidariti terhadap kempen ini kerana ia melambangkan masa hadapan yang lebih cerah dan bebas daripada keganasan khususnya untuk wanita.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) melalui Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menggerakkan kempen itu dengan tema Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita di peringkat Antarabangsa iaitu 'UNITE! Invest to Prevent Violence Against Women and Girls'.

Tema itu menyeru rakyat untuk menunjukkan betapa mereka perlu mengambil berat menghentikan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan serta menyeru kerajaan di seluruh dunia untuk melabur dalam pencegahan keganasan berasaskan jantina.

KPWKM turut bekerjasama dengan United Nations Population Fund (UNPFA) dalam melaksanakan program *International Day for the Elimination of Violence Against Women* sebagai langkah menyahut saranan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk

Seri Nancy Shukri dalam usaha memastikan toleransi sifar terhadap sebarang jenis keganasan.

Jumaat malam lalu, Menara Kuala Lumpur turut disinari dengan lampu berwarna oren iaitu warna global tanda solidariti bagi menamatkan keganasan terhadap wanita.

ia disusuli dengan Majlis Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita pada 25 November yang diadakan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hilliran Ampang di sini, yang disempurnakan oleh Nancy.

Pada majlis itu, Nancy dalam ucapannya menyeru semua pihak untuk berganding bahu bersama-sama memainkan peranan dalam memastikan keganasan terhadap wanita dapat ditangani.

Beri wanita lebih peluang

Selain itu, beliau juga mahu wanita di negara ini sentiasa diberikan peluang yang saksama untuk mencapai potensi mereka.

"Isu keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan sering menjadi fokus utama kerana ia melangkaui batas sem-



Nancy Shukri (tengah) pada sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita di Kuala Lumpur.

padan, agama, bangsa dan budaya.

"Berdasarkan laporan PBB, hampir satu daripada tiga wanita seluruh dunia mengalami keganasan fizikal atau keganasan seksual sekurang-kurangnya sekali dalam hidup mereka," katanya.

Beliau berkata, terdapat lima bentuk keganasan yang dikenal pasti boleh berlaku kepada wanita, iaitu penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan sosial, penderaan kewangan serta penderaan psikologi dan emosi.

Katanya, masyarakat lebih mengetahui mengenai penderaan fizikal dan seksual, tetapi ramai yang kurang sedar mengenai jenis bentuk keganasan lain yang boleh berlaku terhadap wanita.

"Ugutan, penghinaan, menjatuhkan maruah wanita adalah bentuk penderaan psikologi dan emosi, manakala jika seorang wanita sering didorong untuk bergantung kepada pasangan masing-masing dan diasingkan daripada mendapat sokongan luar, ia dikategorikan sebagai penderaan sosial.

"Penderaan kewangan pula diterjemahkan sebagai tindakan menagih seorang wanita un-

tuk mempunyai kebebasan memiliki, berbelanja dan mengawal sumber kewangannya," katanya.

Nancy berkata, di Malaysia kes keganasan terhadap wanita masih pada tahap membimbangkan.

Beliau berkata, berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes keganasan terhadap wanita yang membabitkan keganasan rumah tangga, jenayah rogol dan gangguan seksual di seluruh negara mencatatkan sebanyak 9,334 kes pada 2021 dan 8,580 kes pada 2022.

Bagi tahun ini pula katanya, sehingga Ogos 2023, sebanyak 5,050 kes direkodkan.

"Bilangan ini sangat tinggi, namun realitinya, masih banyak kes yang tidak dilaporkan oleh kerana masalah dalam keluarga atau masalah peribadi.

"Kes keganasan terhadap wanita yang paling kerap adalah keganasan yang dilakukan oleh pasangan wanita yang membabitkan suami, bekas suami atau teman lelaki," katanya.

Justeru, beliau berkata, dalam menangani isu keganasan terhadap wanita, KPWK konsisten dalam usaha untuk melindungi wanita khususnya mereka yang menjadi mangsa keganasan dengan pelaksanaan pelbagai khidmatan, program dan inisiatif yang berkaitan.

Katanya, antara inisiatif yang diambil ialah penggabungan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) yang telah diwartakan pada 18 Oktober 2022.

"Akta ini adalah satu Akta khusus untuk menangani kesalahan gangguan seksual dan diharap dapat membantu pemandiri untuk tampil melaporkan kejadian gangguan seksual supaya tindakan dapat diambil dengan sewajarnya dan pampasan sivil dapat diberikan.

"Susulan dengan Akta ini, KPWK turut melaksanakan Program Advokasi Antigangguan Seksual (AAGS) yang bertujuan untuk memberikan kesedaran dan pendidikan mengenai gangguan seksual agar budaya menormalisasikan gangguan seksual dapat dihapuskan," katanya.

Beliau berkata, sehingga 20 November lalu, sebanyak 66 program AAGS dilaksanakan pada tahun ini yang membabitkan se-

ramai 19,423 peserta.

Lindungi hak wanita

Selain itu katanya, KPWK melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga terbabit dalam pengurusan mangsa keganasan rumah tangga berdasarkan kuasa di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994.

"Akta ini memberi perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga, sama ada melalui Perintah Perlindungan Interim (IPO) atau Perintah Perlindungan yang dikeluarkan oleh mahkamah atau penempatan sementara di tempat selamat yang telah diluluskan.

"Ketika ini terdapat sebanyak 43 Rumah Selamat di seluruh Malaysia di mana pemandiri boleh mendapatkan sokongan dan perkhidmatan, untuk diri dan anak," katanya.

Nancy berkata, KPWK juga bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk mewujudkan Pusat Transit Keganasan Rumah Tangga di masjid di Wilayah Persekutuan.

"Sebanyak 12 masjid di Wilayah Persekutuan dipilih sebagai pusat aduan dan khidmat kaunseling kepada mangsa keganasan rumah tangga yang memerlukan khidmat nasihat, sokongan psikologi serta kaunseling dalam usaha membina masyarakat harmoni.

"Bagi pusat transit, mangsa boleh mendapatkan perlindungan di Masjid Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Masjid Al-Ghufrun Pinggiran Taman Tun Dr Ismail (TTDI).


"Tempat ini memberikan perlindungan segera kepada mangsa keganasan rumah tangga sama ada lelaki atau wanita tanpa mengira agama," katanya.

Antara pengisian program Majlis Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita yang diadakan itu adalah Taklimat Antigangguan Seksual; ceramah bertajuk Keganasan Terhadap Wanita dan Jenayah Seksual; sesi pengajaran seni mempertahankan diri; permainan interaktif dan kuiz.

Orang ramai turut diharapkan tampil dan melaporkan kes keganasan dengan menghubungi Talian Kasih 15999 atau melalui aplikasi WhatsApp 019-2615999.



Menara Kuala Lumpur disinari dengan lampu berwarna oren sebagai tanda solidariti bagi menamatkan keganasan terhadap wanita.



TAJUK : JUMPA BAYI DALAM BEG TEPI LONGKANG

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 27 NOV 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Jumpa bayi dalam beg tepi longkang

Manjung: Seorang bayi lelaki dijumpai ditinggalkan dalam beg di tepi longkang belakang sebuah kedai di Ayer Tawar di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Mohamed Nordin Abdullah berkata, insiden itu dimaklumkan oleh seorang lelaki berusia 45 tahun pada jam 8.15 malam.

Menurutnya, bayi malarang itu sudah dihantar ke Hospital Seri Manjung dan kini berada di unit rawatan rapi (ICU) untuk rawatan serta pemantauan lanjut oleh pihak hospital dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

“Hasil pemeriksaan lanjut oleh doktor mendapati tiada sebarang kecederaan luaran dan bayi berkenaan dalam keadaan sihat.

“Polis sedang giat mengesan suspek dan waris bayi lelaki terbabit,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mohamed Nordin berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana ibu bapa bertanggungjawab menjaga kanak-kanak di bawah



BAYI lelaki dijumpai dalam beg di tepi longkang belakang sebuah kedai di Ayer Tawar, Manjung.

umur kurang daripada 12 tahun, mendedahkan serta membuang kanak-kanak itu dengan niat.

“Jika disabitkan kesalahan, pesalah boleh dihukum dengan penjara maksimum tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali.

“Oang ramai yang mempunyai sebarang maklumat boleh disalurkan kepada pegawai penyiasat, Inspektor Nur Munawara Ahmad di talian 011-16240391 bagi membantu siasatan,” katanya.



TAJUK :	SECOND SARAWAK SUBFERTILITY CLINIC IN THE PIPELINE		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE SUN DAILY
TARIKH :	27 NOV 2023	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Second Sarawak subfertility clinic in the pipeline

KUCHING: The Ministry of Women, Family and Community Development will hold discussions with the Sarawak government on the establishment of a subfertility laboratory at the National Population and Family Development Board in Kuching.

Its minister Datuk Seri Nancy Shukri said there was a need to establish another

subfertility laboratory in Sarawak, as the existing facility in the general hospital is insufficient to cater to the demand for subfertility treatment services in the state.

“I need to talk to the state government first to get approval, and maybe if the state government wants to make some contribution (funds). The ministry will bear other costs.

“The building is already there and is currently being renovated. It’s just that we don’t have a (subfertility) laboratory yet. I will discuss the matter, including adding a laboratory as one of the components in the building, which will involve a lot of cost,” she said after officiating at a National Family Month event at the Darul Hana Mosque yesterday. – Bernama



TAJUK : HOME OF PEACE RECEIVES CONTRIBUTIONS FROM LOCAL ASSOCIATIONS

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 27 NOV 2023

M/SURAT : 10

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Home of Peace receives contributions from local associations

KUCHING: The Home of Peace at Jalan Landeh recently received a supply of rice and other daily necessities contributed jointly by the Community Wellbeing Sub Committee of Dayak Bidayuh National Association (DBNA) and Asiapex Association.

The sub-committee head Thomas Daling said this charitable initiative was aimed at making a meaningful impact on the lives of those in need, particularly at Home of Peace, a refuge for the elderly poor folks


run by the Catholic Welfare Services of Sarawak.

He said the home chairman Jacob Wong and matron Sister Ursula Lian expressed their gratitude and acknowledged the efforts and generosity of those involved.

On the DBNA Community Wellbeing, he said it was one of the sub committees under the association, while Asiapex Association was a dynamic platform for international business exchange.



Members of DBNA and Asiapex in a group photo with the Home of Peace community, taken after the presentation of contributions.



TAJUK : KPWKM TO DISCUSS WITH SARAWAK ON ESTABLISHING SUBFERTILITY LAB IN KUCHING

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 27 NOV 2023

M/SURAT : 01&03

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Nancy (right) having a chat with wedding fashion models at one of the display booths set up in connection with state-level National Family Month 2023 at Masjid Darul Hana in Kuching. Also seen is Deputy Minister II for Utility and Telecommunication Sarawak Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi (back, third right), who is also Pantai Damai assemblyman. — Bernama photo

KPWKM to discuss with Sarawak on establishing subfertility lab in Kuching

Nur Shazreena Ali

KUCHING: The Ministry of Women, Family and Community Development (KPWKM) will hold discussions with the Sarawak government about the establishment of a subfertility laboratory at the National Population and Family Development Board (LPPKN) in

Kuching. In this regard, the minister Datuk Seri Nancy Shukri said the LPPKN new building at Wisma Segu, Jalan Sultan Tengah here should be able to house laboratory as it was still under renovation, but this would incur extra costs. "I will discuss it with the Sarawak government to include a laboratory as one of the

facilities in the building, because it involves a lot of costs. "We will discuss it with Premier Datuk Patinggi Tan Sri Abang Johari Tun, asking whether the state government could contribute a little bit of financial support, but other costs (operational) would be borne by the ministry," she said this when met after performing the closing ceremony for the

state-level National Family Month (BKK) 2023 celebration at Masjid Darul Hana compound yesterday. Adding on, Nancy said the setting up of such a laboratory was necessary because the existing laboratory at the Sarawak General Hospital (SGH) was already congested.

» Turn to Page 3 Col 4

'Planned lab to also serve as R&D hub'

» From Page 1


Earlier in her speech, she said having a laboratory would help married couples who were struggling to have children.

"It will provide comprehensive fertility treatment and family well-being services, while

functioning as a research and development (R&D) coordination centre, (with) the latest treatment technology and specialists. Once again, LPPKN is given the role and responsibility to address the issue of declining fertility rates in the country's population, which has

continued to decline over the past five decades," she pointed out.

It was reported that the first National Infertility Centre would be built in Shah Alam, Selangor next year, with an allocation of RM71 million and expectation to be operational in 2029.



TAJUK :	KPWKM MAHU BINA MAKMAL SUBFERTILITI DI SARAWAK		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	27 NOV 2023	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

KPWKM mahu bina makmal subfertiiliti di Sarawak

Langkah itu diambil ekoran makmal sedia ada di Hospital Umum Sarawak dilihat tidak mencukupi: Nancy

Oleh Marlinda Mardzuki

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan berbincang dengan Kerajaan Sarawak untuk membina sebuah makmal subfertiiliti di sini.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata, langkah itu diambil ekoran makmal sedia ada di Hospital Umum Sarawak (HUS) dilihat tidak mencukupi.

“Maka itu, kita (KPWKM) mahu membina sebuah lagi makmal seumpama ini khas untuk rakyat Sarawak.

“Bagi merealisasikan, saya perlu berbincang dengan Kerajaan Sarawak terlebih dahulu untuk mendapatkan persetujuan dan



UNTUK ALBUM: Nancy merakam kenangan bersama Dr Abdul Rahman, Rohani dan yang lain pada sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) 2023 Peringkat Sarawak di pekarangan Masjid Darul Hana semalam. — Gambar UKAS

mungkin kalau Kerajaan Sarawak hendak menyumbang sedikit... untuk kos lain, kementerian akan tanggung,” katanya.

Beliau berkata demikian

ketika ditemui media selepas menyempurnakan sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK) 2023 Peringkat Sarawak di pekarangan Masjid Darul Hana di sini,

“Maka itu, kita (KPWKM) mahu membina sebuah lagi makmal seumpama ini khas untuk rakyat Sarawak.”

Datuk Seri Nancy Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

semalam.

Menjelas lanjut, Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong berkata, bangunan untuk membina makmal subfertiiliti itu sudah ada dan kini dalam pengubahsuaian.

“Cuma kita belum ada makmal, jadi saya akan bincang untuk masukkan makmal sebagai salah satu daripada komponen dalam bangunan Lembaga Pen-

uduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang sedang diubah suai di Wisma Sejo, Petra Jaya ini,” katanya.

Sehubungan itu, beliau harap agar penubuhan makmal subfertiiliti di sini, dapat direalisasikan sekaligus menjadikan ia makmal kedua selepas di Shah Alam, Selangor.

Terdahulu Nancy dalam ucapannya berkata, penubu-

han pusat itu sangat berkaitan dengan pengembangan keluarga Malaysia, iaitu membantu memberi sinar kepada pasangan yang sukar mendapat zuriat.

“Sekali lagi LPPKN diberi peranan dan tanggungjawab untuk menguruskan pusat ini yang turut menyediakan khidmat rawatan kesuburan dan kesejahteraan keluarga yang komprehensif termasuk berfungsi sebagai pusat koordinasi penyelidikan, teknologi rawatan terkini dan latihan kepakaran di Malaysia,” ujarnya.

Hadir sama Timbalan Menteri Utiliti dan Telekomunikasi (Utiliti) Datuk Dr Abdul Rahman Junaidi dan Pengerusi LPPKN Datuk Seri Rohani Abdul Karim.